

01/10/2003

Kerajaan terus sokong Lima (HL)

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Kerajaan akan terus menyokong penganjuran Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) kerana ia ternyata memberi faedah kepada Malaysia dan rantau Asia Pasifik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan rantau Asia Pasifik adalah pasaran kedua terbesar di dunia bagi produk aeroangkasa dan maritim, Perdana Menteri berkata, jumlah keseluruhan pasaran eksport pertahanan untuk Asia dijangka mencapai AS\$70 bilion (RM266 bilion) antara 2002 hingga 2006.

"Jumlah itu dijangka terus meningkat dan kerana itu kerajaan memberi sokongan kepada penganjuran pameran seperti ini," katanya ketika merasmikan Lima `03 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Segmen udara Lima `03 diadakan di MIEC, manakala segmen maritim pula dilangsungkan di Porto Malai.

Sebanyak 600 gerai pameran dari 25 negara menyertai segmen udara dan 204 gerai dari 17 negara menyertai pameran maritim.

Dr Mahathir berkata, negara di rantau ini bukan saja mahu meningkatkan keupayaan pertahanan udara mereka, tetapi juga bagi mendapatkan teknologi.

Bagi negara Asia Tenggara, katanya, pertahanan udara dan maritim amat penting kerana kebanyakan mereka daripada gugusan besar mengandungi pesisir pantai yang panjang dan banyak pulau yang perlu dilindungi.

"Kapal dan pesawat diperlukan untuk rondaan bagi menjamin laluan perkapalan yang selamat daripada ancaman lanun serta menjaga keselamatan perairan negara dan zon ekonomi," katanya.

Perdana Menteri percaya permintaan untuk pesawat komersial di Asia akan meningkat selepas industri pelancongan, khususnya di Asia Timur terjejas, menyebabkan pasaran pesawat menurun akibat ancaman keganasan dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Selepas Lima `01, keadaan tidak menentu berlaku di dunia akibat ancaman keganasan serta tindakan ketenteraan yang memberi kesan kepada semua negara. Ini mengakibatkan permintaan untuk pesawat khususnya bagi pengangkutan awam semakin merosot.

"SARS turut menjejaskan industri pelancongan secara serius. Lima `03 menjadi pentas terbaik untuk pengeluar memasarkan produk mereka bukan hanya kepada Malaysia, tetapi bagi pasaran di rantau ini," katanya.

Beliau berkata, Lima `03 adalah wadah terbaik bagi syarikat mempamerkan produk mereka kepada Malaysia dan rantau ini serta menggunakan peluang itu untuk menjalin perkongsian strategik termasuk mengadakan usaha sama dengan syarikat tempatan.

"Pada masa yang sama, kami berharap dengan penyertaan di sini, anda akan lebih memahami kemampuan industri tempatan kami serta insentif yang disediakan untuk memenuhi hasrat menjadikan Malaysia tempat tumpuan bagi kegiatan pembuatan dan pemasaran bagi produk udara dan maritim awam dan tentera," katanya.

Sambil menyebut banyak syarikat Malaysia yang menyertai Lima `03, Dr Mahathir berkata, syarikat itu berharap untuk menjalin usaha sama dengan firma asing yang mempunyai kepakaran dalam teknologi canggih.

Sementara itu, Abdullah memberi jaminan peribadi bahawa kerajaan akan

terus komited dengan penganjuran Lima.

Jaminan itu dinyatakan oleh Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Lima `03, sewaktu berucap pada majlis berkenaan.

"Saya ada berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri dan beliau memberi jaminan untuk meneruskan Lima pada masa depan," katanya berharap syarikat dan negara yang mengambil bahagian serta orang ramai akan terus memberi sokongan kepada acara dwitahunan yang diadakan sejak 1991 itu.

Sebelum ini, ada kebimbangan Lima tidak lagi menjadi agenda penting selepas persaraan Dr Mahathir pada akhir Oktober ini.

Najib berkata, peserta pameran Lima seharusnya lega kerana sektor itu menerima status keutamaan sebagai sektor strategik yang mahu dibangunkan kerajaan.

"Peserta pameran juga pasti sedar mengenai prospek perniagaan yang tinggi untuk mereka di Malaysia dan rantau ini. Prospek sebegini pastinya akan meningkat jika Malaysia terus membangun dan kaya, sekali gus membolehkan usaha pemodenan angkatan tentera mengikut kemampuan," katanya.

Beliau juga berharap syarikat antarabangsa mampu menyahut cabaran terhadap keperluan negara ini dengan menawarkan pakej yang menarik, lebih daripada hubungan tradisi pembeli dan penjual.

Katanya, Lima kali ini menunjukkan peningkatan dalam penyertaan iaitu 600 ruang pameran berbanding 99 pada 1991.

Jumlah pameran pesawat statik juga meningkat daripada 23 pesawat pada 1991 kepada 103 kali ini.